



SIARAN AKHBAR

SEMINAR ANTI-MONEY LAUNDERING AND COMBATING FINANCING OF TERRORISM (AML/CFT)

1. Unit Perisikan Kewangan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan bagi Membentera Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan (NAMLC) telah mengadakan Seminar *Anti-Money Laundering and Combating Financing of Terrorism (AML/CFT)* pada 25 dan 26 Ogos 2015. Seminar ini telah diadakan di Dewar Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan.
2. Dua pakar daripada pihak *Asia/Pacific Group on Money Laundering* (APG) telah diundang khas untuk memberikan taklimat semasa seminar tersebut.
3. Seminar yang telah dibahagikan kepada empat sesi ini, pada amnya, bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada pihak-pihak yang berkenaan mengenai proses kaedah penilaian baru yang telah dikeluarkan oleh pihak *Financial Action Task Force* (FATF) serta saranan-saranan FATF berhubung dengan langkah-langkah yang perlu diambil oleh negara-negara ahli dalam memerangi pembersihan wang haram, pembiayaan pengganasan dan pembiayaan senjata pemusnah besar-besaran. Pentingnya komitmen yang perlu diberikan oleh sebuah negara ahli di pelbagai peringkat kepada proses tersebut juga telah ditekankan.
4. Pada hari pertama seminar, penerangan yang berfokuskan kepada tatacara penilaian risiko pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan agar negara-negara ahli dapat mengambil langkah-langkah mitigasi selaras dengan risiko yang telah dikenalpasti, termasuk berkerjasama di peringkat kebangsaan telah diberikan kepada ahli-ahli NAMLC dan pegawai-pegawainya secara berasingan. Ini adalah selaras dengan saranan-saranan FATF 1 dan 2. Selain daripada itu, kaedah FATF baru bagi menilai pematuhan saranan - saranan FATF; tahap keberkesanan sistem-sistem AML/CFT; serta proses Penilaian Bersama APG juga telah diterangkan.
5. Sesi khas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD yang berkenaan, telah menerangkan rangka kerja penyeliaan insistusi-institusi kewangan dan *designated non-financial businesses and professions* yang berasaskan kepada risiko-risiko yang dihadapi institusi-institusi berkenaan. Ini adalah selaras dengan keperluan FATF *Immediate Outcome 3*.
6. Sesi bagi institusi-institusi kewangan dan *designated non-financial businesses and professions* pula, menekankan keperluan bagi institusi-institusi tersebut untuk mengenalpasti, menilai dan mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam menangani risiko pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan yang dihadapi. Langkah-langkah pencegahan termasuk usaha wajar pelanggan, penyimpanan rekod dan membuat laporan transaksi yang mencurigakan juga telah diterangkan.

7. Seminar AML/CFT ini adalah merupakan sebahagian daripada program peningkatan kesedaran Unit Perisikan Kewangan, AMBD sebagai persediaan terhadap proses Penilaian Bersama APG atau APG *Mutual Evaluation* bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2020. Negara Brunei Darussalam adalah ahli kepada APG sejak Disember 2002 dan sebagai ahli, Negara Brunei Darussalam akan dinilai tahap pematuhananya terhadap piawaian antarabangsa AML/CFT yang telah ditetapkan oleh pihak FATF.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 11 Zulkaedah 1436 / 26 Ogos 2015

Rujukan : AMBD/COMMS/3